

27/09/1998

Usah buat andaian sendiri

KEMAMAN: Rakyat yang tidak mempercayai tuduhan yang dikenakan terhadap bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, diminta bersabar kerana mahkamah akan memutuskan perkara itu tidak lama lagi.

Timbalan Menteri Pertanian, Datuk Dr Tengku Mahmud Mansor, berkata kebelakangan ini semakin ramai ahli Umno boleh menerima tuduhan itu setelah bekas Ketua Polis Negara, Tun Haniff Omar membuat kenyataan berhubung masalah berkenaan.

Oleh itu, katanya, sebelum mahkamah membuat keputusan, orang ramai khususnya penyokong Anwar tidak membuat andaian sendiri dan mempunyai prasangka buruk terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Tidak ada mustahil perkara itu boleh berlaku, kerana banyak kes berlaku di negara ini, termasuk datuk sanggup melakukan perkara terkutuk terhadap anak perempuannya sendiri," katanya pada majlis penerangan mengenai pelucutan jawatan Anwar daripada Kabinet dan parti, di Sekolah Menengah Agama Al-Falah, di sini semalam.

Tengku Mahmud yang juga Setiausaha Perhubungan Umno negeri memberi penerangan mengenai perkara itu mewakili Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad. Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa juga tidak hadir pada majlis itu.

Beliau yakin Dr Mahathir tidak melakukan perkara itu untuk melepaskan geram, tetapi berdasarkan bukti kukuh bagi mengambil tindakan berkenaan.

"Dr Mahathir yang membawa Anwar ke dalam politik dan menjadi anak didiknya hingga dipilih menjadi Timbalan Perdana Menteri tidak mungkin membuat tuduhan melulu, sebaliknya menghalusi supaya tindakannya itu tidak menjadi fitnah," katanya.

(END)